



NATIONAL LAND FINANCE CO OPERATIVES SOCIETY(NLFCS)

Oleh:
Norwatim Abd. Latiff
Shamsul Khairi Abu Hassan
R. Zarinatun Mohd Abdul Kader
Nur Syazwani Zainul Abidin

PENGENALAN

Perkembangan koperasi di Malaysia berlaku dengan agak pesat sekali lebih-lebih lagi dengan wujudnya galakan yang memberangsangkan daripada pihak kerajaan. Penubuhan Jabatan Pembangunan Koperasi dan seterusnya Kementerian Pembangunan Koperasi adalah bukti kepada komitmen kerajaan terhadap pembangunan gerakan koperasi di Malaysia. Terdapat lebih 6000 buah koperasi yang berdaftar beroperasi di negara kita sehingga 2008 iaitu matlamat penubuhannya adalah ingin membantu masyarakat tempatan.

Bagi masyarakat India, Koperasi Permodalan Tanah Berhad atau **NLFCS** adalah antara yang terawal dan tersohor bagi kaum India negara ini. Diasaskan oleh Tun Dr. V.T. Sambanthan sehingga hari ini NLFCS boleh dianggap sebagai salah sebuah koperasi yang berjaya di Malaysia dan menjadi koperasi terpenting bagi kaum India.

SEJARAH PENUBUHAN KOPERASI

Sejarah penubuhan koperasi ini bermula selepas kemerdekaan pada era 60-an. Ketika itu telah berlaku masalah pengangguran yang serius dalam kalangan pekerja-pekerja ladang di seluruh Tanah Melayu. Selepas Merdeka pada 31 Ogos 1957 telah berlaku beberapa perubahan terhadap hak milik tanah (ladang getah) yang dimiliki oleh bangsa asing (European).



Kisah KEJAYAAN KOPERASI DI MALAYSIA



Peralihan zaman kemerdekaan

Mereka menjual tanah secara lot-lot kecil kepada warga tempatan untuk mendapat keuntungan. Keadaan menjadi semakin sukar kepada penduduk tempatan apabila, tuan tanah yang lama tidak lagi menjalankan aktiviti perladangan seperti yang sedia ada. Ini menyebabkan pekerja-pekerja telah hilang pekerjaan. Keadaan mereka menjadi bertambah rumit dengan masalah kemiskinan yang ketara terutamanya bagi mereka yang tinggal di kawasan estet. Akibat daripada masalah ini, sebuah pertubuhan iaitu One Malaysian Congress (OMC) yang diketuai oleh mendiang Tun Dr.V.T. Sambanthan, dan beberapa warga tempatan yang prihatin telah menubuhkan sebuah koperasi pada tahun 1960 bagi menyediakan peluang dan memberi hak milik tanah kepada pekerja-pekerja estet.



Pembukaan ladang getah



Mesyuarat Agung Tahunan pertama

Koperasi yang dipelopori oleh Tun Dr. V.T. Sambanthan ini dikenali dengan nama “*National Land Finance Cooperative Society*” (NLFCS). Koperasi ini telah mengadakan Mesyuarat Agung Tahunan (MAT) yang pertama pada 14 Mei 1960 di Maktab Koperasi Malaysia, Petaling Jaya. Mesyuarat Agung ini telah memilih 15 Anggota Lembaga Koperasi (ALK) yang pertama. ALK tersebut sebulat suara telah melantik Tun Dr. V. T. Sambanthan sebagai Pengurus Koperasi yang dianggotai oleh 50 orang ahli koperasi. Kini, NLFCS diterajui oleh Y. Bhg. Tan Sri Dato'K. R. Somasundram dan bilangan ahli koperasi setakat 2012 menjangkau 52,510 orang.



Pengasas penubuhan koperasi



Kisah KEJAYAAN KOPERASI DI MALAYSIA

LATAR BELAKANG NLFCS

Sehingga kini NLFCS telah memiliki ladang getah, kelapa sawit dan kelapa di seluruh negeri di Malaysia seluas 10529.8 hektar. Ini ditambah pula, dengan bilangan anggota koperasi seramai 52,510 orang yang terdiri daripada pekerja estet, pelajar dan penglibatan golongan profesional dengan memiliki jumlah yuran saham sebanyak RM173 juta pada 31 Disember 2012.



Pembukaan Ladang Bukit Sidim Tonggak Koperasi

Sistem Keanggotaan Koperasi

Koperasi menggunakan sistem pengkomputeran untuk memproses data keahlian koperasi. Bagi membangunkan sistem pangkalan data, koperasi telah menggunakan perkhidmatan konsultan dari luar. Bagi keahlian koperasi, ia terbuka kepada semua rakyat Malaysia yang memenuhi syarat seperti yang terdapat dalam Undang-Undang Kecil dan Akta Koperasi. Pemohon hendaklah menulis surat permohonan untuk menjadi ahli dan menghantar surat permohonan berkenaan kepada koperasi. Sekiranya didapati pemohon layak untuk menjadi anggota, koperasi akan menghantar borang permohonan kepada pemohon dan pemohon



mestilah mendapatkan tandatangan wakil koperasi yang telah dilantik mengikut negeri masing-masing. Jumlah saham minimum yang perlu dibayar ialah sebanyak RM500 berserta yuran proses sebanyak RM10. Sekiranya pemohon berminat untuk menambahkan yuran saham koperasi, jumlah maksimum yang boleh dimohon ialah RM50,000. Bagi pemohon yang tidak berkemampuan untuk membayar yuran saham minimum, koperasi membenarkan bayaran secara berkala tetapi tidak menggalakkan pemohon untuk berbuat demikian.

Keahlian Anggota :

Terbuka kepada semua warganegara Malaysia
(Mengikut Undang-undang Kecil (UUK) dan Akta Koperasi)

Pendaftaran :

Pemohon perlu menghantar surat permohonan kepada koperasi.

Pemohon yang layak :

Koperasi akan menghantar surat permohonan dan pemohon perlu mendapatkan tandatangan wakil mengikut negeri,

Sah Menjadi Anggota :

Bayaran saham minimum : RM 500.00 dan Yuran proses : RM 10.00
(Maksimum saham tambahan : RM 50,000.00)

Mesyuarat Agung Perwakilan

NLFCS merupakan sebuah koperasi yang mempunyai bilangan ahli mencecah puluhan ribu anggota dari seluruh tanah air. Bagi membolehkan Mesyuarat Agung Tahunan dilaksanakan, Mesyuarat Agung Perwakilan hendaklah dibuat terlebih dahulu. Mesyuarat Agung Perwakilan diadakan setiap dua tahun sekali. Bilangan perwakilan yang dilantik adalah mengikut nisbah seorang perwakilan bagi setiap 200 anggota koperasi. Setiap anggota yang berminat untuk menjadi perwakilan mestilah memenuhi syarat yang telah ditetapkan iaitu belum genap dua tahun menjadi perwakilan koperasi ini dan belum mempunyai nilai syer bonus sekurang-kurangnya lima ribu ringgit tidak termasuk syer bonus pada atau sebelum 31



hari bulan Disember tahun sebelumnya. Setiap calon perlulah mengisi borang permohonan untuk tujuan tapisan bagi memastikan calon yang berkelayakan sahaja yang boleh menjadi perwakilan. Berdasarkan kepada pengalaman yang lepas tidak semua anggota akan hadir untuk memilih perwakilan.

Pecahan perwakilan dibuat mengikut kumpulan negeri seperti berikut:

- i. Selangor
- ii. Perlis, Kedah dan Penang
- iii. Perak
- iv. Terengganu, Kelantan dan Pahang
- v. Negeri Sembilan
- vi. Melaka
- vii. Johor

Pada setahun sekali akan diadakan Mesyuarat Agung yang menjadi medan untuk setiap perwakilan menjalankan tanggungjawab mereka. Pelbagai agenda dan perancangan telah dibincangkan sepanjang Mesyuarat Agung dilaksanakan. Sehubungan itu, proses bagi penyampaian maklumat koperasi kepada anggota koperasi adalah melalui laman web dan menghantar surat pekeliling kepada anggota-anggota koperasi kerana koperasi tidak mempunyai cawangan di setiap negeri.

TANGGUNGJAWAB ANGGOTA

Pekerja-pekerja ladang estet digesa untuk membeli yuran saham sebanyak RM100 yang boleh dibayar secara ansuran dengan jumlah RM 10 sebulan. Hasil daripada kutipan jumlah saham ini maka koperasi telah berjaya membeli ladang getah yang pertama seluas 2900 ekar atau 1174 hektar Ladang Bukit Sidim di negeri Kedah Darul Aman pada tahun 1960. Pembukaan ladang getah ini telah dirasmikan oleh Almarhum Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj, Perdana Menteri pertama Malaysia.



Sokongan dan komitmen pekerja ladang


Selain itu juga, koperasi telah melaksanakan beberapa skim bantuan kepada anggotanya iaitu bertujuan untuk :

- i. Memperbaiki tahap pendidikan di kalangan anak-anak anggota
- ii. Meningkatkan pemilikan rumah terhadap anggota
- iii. Memperkenalkan skala kecil keusahawanan
- iv. Memberi bantuan kewangan kepada anggota.



Kisah KEJAYAAN KOPERASI DI MALAYSIA

PENTADBIRAN DAN PENGURUSAN KOPERASI



Merujuk kepada carta organisasi NLFCS di atas, struktur organisasi terbahagi kepada dua bahagian, bahagian pertama ialah bahagian yang diterajui oleh ALK iaitu seramai 15 orang bersama ahli jawatankuasa yang dilantik oleh ALK dan Juruaudit Dalaman bagi mengendalikan setiap aktiviti koperasinya. Tanggungjawab ALK adalah untuk merancang, memantau setiap aktiviti yang dijalankan oleh koperasi dan memastikan setiap kebijakan anggota dan juga pekerja terjamin.

Bahagian kedua ialah bahagian yang terdapat satu jawatan bagi Pengurus Eksekutif dan di bawahnya terdapat enam jabatan iaitu terdiri daripada:-

- Jabatan Estet
- Jabatan Kewangan
 - Akaun
 - Cukai pendapatan
- Jabatan Personnel
 - Pengurusan hartaanah dan pembangunan
 - Pinjaman, pendidikan, perumahan & perniagaan secara kecil-kecilan



- d) Jabatan Korporat
 - i. Syarikat subsidari & (Associate)
- e) Jabatan Pentadbiran dan Keanggotaan
 - f) Jabatan IT



Komitmen pihak pengurusan koperasi dalam pembangunan sosioekonomi anggota

NLFCS juga telah dikawal selia oleh ALK yang diketuai seorang Pengurus Eksekutif. Pelantikan Pegawai Eksekutif dan ALK adalah tertakluk kepada pemilihan yang dibuat oleh anggota koperasi melalui MAT. Berdasarkan kepada pelantikan ini beliau bersama ALK dipertanggungjawabkan untuk merancang, merangka, menyusun pelan dan strategi NLFCS sejajar dengan perubahan dan pembangunan ekonomi serta objektif koperasi.

Fungsi utama NLFCS adalah sebagai sebuah koperasi harta tanah, yang menjalankan aktiviti perladangan. Walau bagaimanapun NLFCS telah mengorak langkah dengan mencebur ke pelbagai sektor bagi mengurangkan kebergantungan terhadap sektor perladangan. Aktiviti yang diceburi NLFCS adalah seperti berikut:

- i. Pembangunan harta tanah
- ii. Perkilangan
- iii. Mewujudkan institut pendidikan
- iv. Pemborongan dan peruncitan bagi pasaran import dan eksport
- v. Kemudahan perubatan dan kesihatan



PENGURUSAN SUMBER MANUSIA KOPERASI

Jumlah kakitangan koperasi yang bertugas di ibu pejabat adalah seramai 68 orang yang terdiri daripada 23 orang Pegawai Eksekutif dan 46 orang kakitangan sokongan. Koperasi juga telah melantik seorang Pengurus Ladang di setiap ladang yang dimiliki. Pengurus Ladang diberi kuasa sepenuhnya untuk melantik dan memilih pekerja-pekerja ladang yang berkelayakan untuk mengisi kekosongan jawatan.

Pengrekrutan Staf

Proses pengambilan pekerja akan dilakukan sekiranya berlaku kekosongan jawatan atau keperluan kepada tenaga manusia didapati meningkat. Iklan jawatan kosong akan dikeluarkan sama ada edaran secara dalaman, laman web koperasi atau melalui surat khabar untuk mendapatkan calon yang berkelayakan. Panel penemu duga terdiri daripada ALK dan ketua-ketua jabatan bertanggungjawab untuk melaksanakan proses temu duga calon yang di senarai pendek oleh Jabatan Personel. Di peringkat ladang dan juga anak syarikat koperasi, pengrekrutan akan dilakukan secara berasingan oleh ladang dan anak syarikat. Pengurus Ladang diberi kuasa penuh untuk memilih pekerja ladang yang berkelayakan termasuk juga penggunaan buruh asing seperti pekerja dari Indonesia, Bangladesh, Thailand dan Vietnam.

Latihan Kakitangan

NLFCS memberi perhatian terhadap peningkatan kemahiran dalam kalangan pegawai dan kakitangannya. Kebanyakan latihan yang diperoleh kakitangan di NLFCS adalah di Maktab Koperasi Malaysia dan mereka berpeluang untuk menghadiri seminar-seminar yang diurus setiakn oleh agensi-agensi di bawah kementerian seperti FAMA, UDA, MARA, FELDA, FELCRA dan sebagainya.

Faedah Kakitangan

Bagi menjaga kebajikan kakitangan, NLFCS telah menyediakan perkhidmatan pembiayaan perubatan. Walau bagaimanapun jumlah pembiayaan perubatan adalah terhad dan bergantung kepada kedudukan jawatan yang disandang dalam NLFCS. Kakitangan koperasi boleh juga menggunakan dan mendapatkan perkhidmatan perubatan yang disediakan oleh anak syarikat koperasi iaitu Tuah Medical Sdn Bhd di Taiping dan Tuah KCB Medical Bhd.



Kelebihan utama jika anggota menggunakan perkhidmatan yang disediakan oleh anak syarikat adalah mendapat diskaun sebanyak 5%. Terdapat juga kes tertentu iaitu kakitangan koperasi membuat rayuan kepada NLFCS bagi mendapat pembiayaan kos perubatan yang melebihi daripada had kelayakan mereka. Rayuan akan dikemukakan kepada ALK untuk mendapat kelulusan. ALK akan menentukan jumlah yang difikirkan sesuai demi menjaga kebijakan kakitangan NLFCS. Kelebihan seperti ini sepatutnya tidak dilepaskan oleh kakitangan koperasi.

Anugerah dan Pengiktirafan Kakitangan

Sebagai menghargai pengorbanan dan jasa bakti yang telah dicurahkan oleh kakitangan di NLFCS, kakitangan akan diberikan anugerah kepada mereka yang telah berkhidmat selama 25 tahun. Selain dari itu, NLFCS akan mengadakan hari keluarga untuk keseluruhan warga NLFCS. Program ini ditaja sepenuhnya oleh koperasi. Khusus bagi pekerja ladang, mereka ditawarkan skim perumahan bagi menghargai jasa yang telah diberikan selama puluhan tahun bekerja sebagai pekerja di sektor perladangan.

KEWANGAN DAN ASET KOPERASI

Laporan kewangan

Modal yuran saham minimum ahli pada peringkat awal penubuhan koperasi dikenakan ialah RM10. Walau bagaimanapun, yuran saham minimum telah dinaikkan sehingga RM500 seorang dan yuran proses permohonan adalah sebanyak RM10. Bagi jumlah keuntungan koperasi dan aset terkumpul koperasi sehingga tahun 2012 adalah RM1,083juta dan mempunyai aset terkumpul sebanyak RM715.6 juta sehingga tahun 2012.

AKTIVITI – AKTIVITI KOPERASI

Ladang Getah

Era tahun 60-an, 70-an dan 80-an

Pada era ini, NLFCS lebih tertumpu pada sektor perladangan getah. Ini kerana pada ketika itu, komoditi getah merupakan antara komoditi utama yang dieksport oleh Malaysia ke luar negara dan harga getah boleh memberi pulangan yang lumayan kepada koperasi. Ladang



getah pertama yang berjaya dimiliki oleh NLFCS adalah di Ladang Bukit Maju, Kedah iaitu seluas 2900 ekar. Pemilihan sektor perladangan getah dibuat kerana pada ketika penubuhan koperasi, majoriti ahli adalah terdiri daripada pekerja ladang getah yang telah kehilangan pekerjaan akibat daripada penutupan ladang yang dimiliki oleh rakyat asing.

Hasil ladang getah telah menjadi pemangkin utama koperasi di peringkat awal. Namun begitu, disebabkan faktor peningkatan kos buruh, harga komoditi getah yang tidak stabil dan semakin murah, penggunaan getah tiruan dan kepesatan pembangunan di kawasan berhampiran ladang maka ladang-ladang getah ini telah dimajukan menjadi taman perumahan dan kawasan perindustrian. Ini kerana sektor lama ini dapat menghasilkan pulangan yang lebih baik kepada koperasi. Tambahan pula generasi kedua yang tinggal di kawasan ladang mula berhijrah ke kawasan bandar untuk menceburi bidang yang berlainan. Rentetan daripada perkembangan ini NLFCS telah beralih kepada sektor perladangan kelapa sawit yang lebih menguntungkan.

Ladang Kelapa Sawit

Sektor ladang kelapa sawit merupakan penyumbang utama kepada pendapatan koperasi. Dengan keluasan ladang hampir 10000 hektar, ia telah menjadi tulang belakang kepada perkembangan koperasi hingga ke hari ini. Pembelian ladang kelapa sawit pada tahun 1960 menggunakan dana yang diperoleh daripada yuran saham anggota koperasi dan juga melalui pinjaman yang dibuat melalui bank. Pada peringkat awal pengoperasian ladang, pekerja-pekerja ladang adalah terdiri daripada pekerja ladang getah yang telah kehilangan pekerjaan kerana penutupan ladang oleh pemilik ladang Eropah. Pekerja terbabit telah bersetuju untuk menyertai koperasi secara sukarela dan telah terlibat secara langsung menjadi pekerja di ladang.

Anggota koperasi atau pekerja ladang terbabit akan mendapat faedah gaji sebagai pekerja ladang dan juga pulangan ke atas saham koperasi yang dimiliki. Namun begitu, generasi kedua koperasi telah melakukan penghijrahan ke bandar menyebabkan koperasi terpaksa menggunakan perkhidmatan buruh asing sebagai alternatif kepada kekurangan penawaran tenaga buruh di kawasan ladang. Sehingga ke hari ini koperasi masih mengekalkan beberapa ladang utama seperti berikut:

- i. Ladang Bukit Maju,Kulim,Kedah - 1152 hektar
- ii. Ladang Hong Lio, Perak - 667.8 hektar
- iii. Ladang Tanjung Kura Perak - 1000 hektar
- iv. Ladang Kraton Perak - 960 hektar
- v. Ladang Davidoff Perak - 1200 hektar
- vi. Ladang Pasir Perak - 1200 hektar



- vii. Ladang Selama Perak - 900 hektar
- viii. Ladang Gamat Selangor - 360 hektar
- ix. Ladang Lama Negeri Sembilan - 530 hektar
- x. Ladang Seremban, Negeri Sembilan - 690 hektar
- xi. Ladang Trajul Terengganu - 1870 hektar



Pada tahun 1980, arus perkembangan dan kemajuan di Malaysia telah menyebabkan lokasi ladang pada satu ketika dahulu berada di kawasan pedalaman kini telah bertukar menjadi kawasan perindustrian, kawasan perumahan dan kawasan bandar. Keadaan ini telah menyebabkan koperasi melangkah ke hadapan dengan menukar ladang menjadi kawasan perumahan yang menjana hasil pendapatan yang lebih tinggi jika dibandingkan dengan hasil perladangan.



Kisah KEJAYAAN KOPERASI DI MALAYSIA

Ladang Kelapa

Selain daripada ladang kelapa sawit, NLFCS juga memiliki ladang kelapa. Memandangkan ladang kelapa tidak memberi pulangan yang tinggi jika dibandingkan dengan kelapa sawit, NLFCS juga secara berperingkat-peringkat telah mengusahakan agar setiap ladang getah dan kelapa ditukarkan kepada ladang kelapa sawit. Satu-satunya ladang kelapa yang dimiliki oleh NLFCS hanyalah di Ladang Selama di Perak yang berkeluasan 900 hektar.

PENGLIBATAN AKTIVITI EKONOMI LAIN

NLFCS juga memberi tumpuan kepada sektor-sektor lain seperti sektor pelaburan, pelancongan, perubatan, perkilangan, pertukaran wang dan sebagainya. Syarikat-syarikat yang bernaung di bawah NLFCS ialah seperti berikut:-

Syarikat- syarikat subsidiari NLFCS terdiri daripada :-

- i. Naga Sdn. Bhd.
- ii. Naga Trading Sdn. Bhd.
- iii. Naga Healthcara Sdn. Bhd.
- iv. Mumtaj Travel Agency Sdn. Bhd.
- v. Tuah Medical Sdn Bhd
- vi. Tuah Medical Bhd.
- vii. Selangor Diabetic Center Sdn. Bhd.
- viii. RoadQ Industries Sdn. Bhd.
- ix. NLFCS Steel Sdn. Bhd.
- x. Power Point Sdn. Bhd.
- xi. Phinner Sdn. Bhd.
- xii. Dowry Fibers Sdn. Bhd.
- xiii. Primax Nutrients Berhad
- xiv. A&T Oils Sdn. Bhd.
- xv. Seed Agencies Sdn. Bhd.


Aktiviti Sektor Perumahan

NLFCS telah menjalankan beberapa projek perumahan bagi menjana pendapatan koperasi. Selain itu, tujuan pembinaan rumah ini bagi membolehkan anggota koperasi memiliki rumah persendirian yang lebih selesa. Rumah yang telah siap dibina akan dijual kepada anggota koperasi yang berkelayakan dan juga terbuka kepada pembeli bukan anggota yang berminat



untuk memiliki rumah tersebut. Rumah yang tidak dijual akan kekal menjadi aset koperasi untuk kegunaan di masa hadapan. Sehingga kini, terdapat seramai 411 atau 0.83% anggota koperasi yang telah berjaya mendapat skim pinjaman pembelian rumah oleh koperasi berjumlah RM14,927,262. Di antara projek perumahan yang telah dilaksanakan ialah:

- i. Perumahan Bandar Nilai
- ii. Perumahan Bandar Johor Utara
- iii. Perumahan Taman Tasik Perdana.
- iv. Perumahan Taman Bagan Pasir
- v. Perumahan Taman KCB Port Dickson
- vi. Perumahan Taman Davidoff Meadows
- vii. Perumahan Taman Sungai Besar
- viii. Perumahan Taman Sungai Buaya



Projek pembangunan



Projek perumahan



Perumahan untuk anggota



Koperasi telah menetapkan bahawa setiap pinjaman perumahan perlu mempunyai perlindungan insurans. Koperasi tidak menetapkan syarat untuk menyediakan penjamin bagi mendapat kelulusan pinjaman perumahan tetapi sebaliknya pegangan terhadap pemilikan rumah akan menjadi gadaian sekiranya peminjam gagal membuat pembayaran. Pembayaran balik bagi pinjaman perumahan ini boleh dibuat melalui pembayaran secara cek, deposit tunai dan potongan gaji bagi kakitangan koperasi. Peminjam boleh membeli rumah yang dibina dari koperasi atau dari pemaju yang lain. Sekiranya peminjam membeli rumah yang dibina oleh koperasi, mereka akan mendapat potongan sebanyak 5% daripada harga rumah. Modal pusingan bagi pembiayaan pinjaman perumahan berjumlah 2.5 juta yang telah disediakan oleh koperasi.

AKTIVITI PEMBANGUNAN ANGGOTA KOPERASI / SOSIAL

Tabung Pinjaman Pendidikan

Koperasi telah menyediakan pinjaman pendidikan kepada anak-anak anggota yang telah mendapat pencapaian yang cemerlang di peringkat STPM dan SPM untuk mengikuti program di peringkat diploma dan ijazah di pusat pengajian tinggi tempatan dan juga di luar negeri. Jumlah pembiayaan yang diberikan berjumlah RM3500 setahun bagi pelajar yang belajar di universiti tempatan dan RM6250 setahun bagi pelajar yang belajar di luar negara. Bagi mendapatkan kemudahan yang disediakan ini, terdapat beberapa syarat yang dikenakan di antaranya adalah (i) Hanya anak anggota koperasi atau anggota koperasi sahaja yang layak memohon, (ii) Kursus yang diikuti mestilah diiktiraf oleh kerajaan dan (iii) Pemohon mestilah berumur 18 tahun ke atas.

Pinjaman yang diberikan tidak dikenakan sebarang caj tambahan dan pelajar perlu menjelaskan pinjaman mereka selepas enam bulan setelah tamat pengajian yang diikuti. Tempoh pembayaran semula pinjaman pendidikan yang diberikan adalah selama lima tahun. Pemberian pinjaman kepada anak-anak koperasi bertujuan untuk memberi kesedaran kepada mereka akan kepentingan pendidikan. Ini kerana masyarakat yang berpendidikan sahaja yang boleh menjadi agen pembasmi kemiskinan.



Insentif Pencapaian Cemerlang PMR, SPM & STPM

Insentif berjumlah RM1000 akan diberikan kepada anak anggota koperasi di peringkat SPM yang telah berjaya mendapat keputusan sekurang-kurangnya 7A dan di peringkat STPM yang telah mendapat keputusan sekurang-kurangnya 3A. Pemberian insentif ini akan menggalakkan lagi anak anggota koperasi untuk belajar bersungguh-sungguh. Kejayaan di peringkat SPM dan STPM akan menjadi pemangkin dan kunci kejayaan di masa hadapan.

Tabung Biasiswa Dr. Jaya Kumar

Selain daripada pinjaman yang telah disediakan di peringkat SPM dan STPM, biasiswa penuh juga diberikan kepada pelajar yang terpilih. Pelajar ini bukan terdiri daripada anak anggota koperasi atau anggota koperasi. Tujuan pemberian biasiswa ini adalah bertujuan untuk menjaga kebajikan masyarakat yang ada di sekitar kawasan koperasi. Sehingga kini, seramai 746 orang pelajar telah mendapat tajaan biasiswa daripada Tabung Biasiswa Dr. Jaya Kumar.

Faedah Kematian

Setiap anggota yang telah meninggal dunia akan mendapat faedah pampasan maksimum berjumlah RM4000 setiap anggota. Pampasan akan dibayar kepada waris yang perlu disahkan oleh koperasi. Manakala yuran saham mereka akan dipulangkan semula kepada waris anggota.

Faedah Skim Perumahan Pekerja-pekerja Ladang

Di dalam NLFCS terdapat empat golongan yang menjadi tunggak utama bagi menentukan jatuhan dan bangunnya NLFCS. Mereka ialah Ahli Lembaga Koperasi, anggota koperasi, pekerja koperasi yang terdiri daripada kakitangan pentadbiran dan pekerja-pekerja ladang.

Oleh itu, bagi memastikan kebajikan anggotanya terjamin, NLFCS telah menyediakan beberapa faedah kepada anggotanya iaitu NLFCS menyarankan agar setiap anggotanya harus mempunyai sekurang-kurangnya sebuah rumah seorang. Sejak jauh dengan saranan kerajaan yang menggesa agar majikan menyediakan rumah untuk pekerja ladang, NLFCS telah memperkenalkan Skim Perumahan Pekerja-Pekerja Ladang untuk membolehkan pekerja ladang memiliki rumah sendiri.



Di bawah skim ini, NLFCS telah menyediakan rumah-rumah kos rendah semi-D yang berukuran 20 x 80 kaki persegi. Harga yang ditawarkan kepada pekerja-pekerja ladang ialah RM23,000 sebuah. Bayaran ini boleh dibuat secara ansuran sebanyak RM200 sebulan selama 15 tahun. Sehingga kini NLFCS telah berjaya membina sebanyak 800 buah rumah di sembilan buah ladang. NLFCS juga memastikan agar anak-anak pekerja ladang mendapat pendidikan yang sewajarnya, dengan itu mereka memastikan agar kawasan tersebut dilengkapi dengan kemudahan-kemudahan asas seperti Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan, kuil, surau dan sebagainya.

Pemilik tidak digalakkan untuk menjual rumah mereka kepada orang lain sebaliknya disarankan agar mereka menjual rumah tersebut kepada waris terdekat. Syarat ini dibuat agar anggota koperasi memahami tujuan asal NLFCS menyediakan rumah atas dasar menjaga kebijakan pekerja ladang, ia juga sebagai tanda penghargaan atas khidmat mereka terhadap Koperasi.

Pinjaman Perniagaan Anggota Koperasi yang Bukan Kakitangan NLFCS

NLFCS turut menyediakan skim perkhidmatan pinjaman perniagaan kepada anggota. Setakat ini terdapat seramai 426 orang telah membuat pinjaman dan 200 orang telah berjaya melangsangkan pinjaman mereka, hanya baki sebanyak 226 orang yang masih lagi dalam proses melangsangkan bayaran pinjaman dengan koperasi.

Bagi pinjaman perniagaan ia menetapkan syarat bahawa perlu mempunyai seorang penjamin untuk setiap pinjaman sebanyak RM5,000. Manakala bagi pinjaman melebihi RM5,000 hingga RM15,000 memerlukan dua penjamin. Skim pinjaman yang dijalankan adalah berbentuk konvensional, walau bagaimanapun dari segi perlaksanaannya NLFCS tidak mengenakan sebarang bayaran tambahan kepada peminjam. Anggota yang ingin membuat pinjaman perlu menyediakan kertas kerja bagi membuktikan bahawa perniagaan yang mereka bakal laksanakan boleh mendatangkan keuntungan. Kelulusan pinjaman hanya boleh dibuat oleh Anggota Lembaga Koperasi. Tempoh kelulusan permohonan adalah selama tiga bulan.

Modal Pusingan bagi pembiayaan pinjaman perniagaan sebanyak RM6 juta. Pinjaman perniagaan hanya diberi kepada perniagaan yang telah beroperasi sekurang-kurangnya setahun dan stabil. Tujuan pemberian pinjaman adalah untuk mengembangkan lagi perniagaan yang sedia ada. Koperasi hanya memberi pinjaman dan bukan membuat pemantauan terhadap perniagaan anggotanya. Anggota Koperasi yang gagal membuat pembayaran balik pinjaman mereka akan diberi amaran pertama, kedua dan ketiga oleh koperasi sekiranya masih gagal, maka tindakan undang-undang akan diambil terhadap mereka.



ANUGERAH DAN PENCAPAIAN

Sepanjang terlibat di dalam sektor pengkoperasian, NLFCS telah berjaya merangkul beberapa pencapaian dan anugerah di dalam negara. Ianya telah membuktikan bahawa NLFCS mampu untuk bersaing dengan koperasi lain walaupun pada mulanya penubuhan koperasi ini hanya untuk menyediakan peluang pekerjaan dan hak milik tanah kepada pekerja estet. Di antara pencapaian dan anugerah yang telah NLFCS peroleh adalah:

- i. Anugerah Kualiti Koperasi Peringkat Wilayah Persekutuan (1999)
- ii. Anugerah Kualiti Koperasi Perumahan Peringkat Kebangsaan (2001)
- iii. Sijil Penyertaan Anugerah Kualiti Perdana Menteri, Sektor Sosio Ekonomi (2001)
- iv. Anugerah Kualiti Perdana Menteri bagi Sektor Sosio Ekonomi (2001)
- v. Anugerah Kualiti Koperasi Peringkat Nasional (Kategori Anugerah Ketua Pendaftar) (2003)
- vi. Anugerah Khas Aktiviti Perladangan (2004)
- vii. Anugerah Koperasi Negara (Anugerah Utama) (2005)
- viii. Anugerah Khas Aktiviti Perladangan
- ix. Anugerah Perdana (Anugerah Utama) (2007)

FAKTOR-FAKTOR KEJAYAAN KOPERASI

Kebajikan kepada Anggota Koperasi

- i. Memberi skim perumahan pekerja-pekerja ladang
- ii. Memberi pinjaman tanpa kadar faedah
- iii. Menyediakan kemudahan kesihatan
- iv. Memberi insentif sebanyak RM50 sebulan kepada anggotanya yang kurang upaya
- v. Memberi insentif wang sebanyak RM500 sebagai hadiah perkahwinan kepada anggota yang melangsungkan perkahwinan

Kebajikan kepada Kakitangan Koperasi

- i. Memberi latihan kepada anggota
- ii. Memberi peluang melanjutkan pelajaran untuk meningkatkan tahap pendidikan mereka
- iii. Memberi anugerah dan pengiktirafan kepada kakitangan



Sistem Keanggotaan yang Teratur dan Tersusun Mengikut Kumpulan Negeri

Memudahkan penyampaian maklumat dengan cepat kepada anggota

Aset Koperasi yang Kukuh

Koperasi ini boleh berkembang dan dapat meningkatkan aktiviti ekonomi terutamanya dari sektor perladangan, harta tanah dan pembangunan disebabkan aset yang semakin tinggi nilainya.

Pengembangan Anak Syarikat Koperasi

Koperasi bukan hanya mempunyai perniagaan sendiri, malah mempunyai subsidiari dalam sektor pelaburan, pelancongan, perubatan, perkilangan dan pertukaran wang yang telah menyumbang kepada peningkatan pendapatan koperasi.

PERANCANGAN DAN PROSPEK MASA DEPAN

NLFCS merupakan sebuah koperasi yang berjaya dan telah mendapat beberapa pencapaian di dalam negara, walau bagaimanapun terdapat beberapa perancangan bagi membantu meningkatkan prestasi koperasi ini. Antaranya adalah :-

- a) Pekerja-pekerja ladang di estet yang menjadi anggota koperasi seharusnya menghadiri kursus- kursus yang ditawarkan di Maktab Koperasi Malaysia.
- b) Galakan seharusnya diberi oleh NLFCS terhadap anggota-anggotanya bagi mendapat pendidikan koperasi serta mengetahui hak dan tanggungjawab mereka sebagai anggota koperasi.
- c) NLFCS juga perlu mempertimbangkan agar menyediakan kemudahan biasiswa kepada anak-anak anggota yang mendapat keputusan yang cemerlang.
- d) Adalah disarankan agar NLFCS juga memberi peluang kepada kakitangan koperasi agar mewujudkan skim pinjaman pendidikan bagi mereka yang ingin melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi. Dengan ini NLFCS dapat melahirkan kakitangan koperasi yang produktif dan berdaya saing sejajar dengan perubahan masa kini.
- e) Mewujudkan sebuah unit undang-undang bagi memantau dan menyemak perjalanan koperasi sejajar dengan tuntutan perubahan undang-undang.



- f) NLFCS juga harus melihat perubahan teknologi ICT dengan lebih jauh, disarankan agar mereka menggunakan kemudahan ini untuk menyampaikan maklumat (cecellular) kepada anggota-anggota mereka secara lebih cekap dan berkesan.
- g) Malah NLFCS juga boleh memikirkan satu cara yang mudah bagi memuat turun borang keahlian koperasi, borang pinjaman pelajaran, borang pinjaman perniagaan, borang pinjaman perumahan dan lain-lain khasnya kepada anggota dan kakitangan koperasi.

KESIMPULAN

Sebagai salah sebuah koperasi yang telah wujud setelah lebih 50 tahun, kejayaan NLFCS ternyata telah merealisasikan matlamat utamanya iaitu memberikan banyak peluang pekerjaan kepada masyarakat tempatan di samping meningkatkan taraf sosioekonomi anggota. Kejayaan yang dicapai pastinya datang daripada kekuatan dari gabungan kepimpinan dan barisan pengurusan yang berkaliber, sistematik, teratur dan kewangan yang teliti serta sokongan daripada anggota dan kerajaan tempatan.

Oleh yang demikian, tidak hairanlah apabila pencapaian demi pencapaian berjaya dirangkul oleh NLFCS dalam memastikan koperasi ini berdiri sebaris dengan koperasi yang lain. Selain memastikan kebajikan anggotanya terjaga, NLFCS masih lagi sentiasa berusaha untuk memberikan yang terbaik dalam setiap perniagaan yang diceburinya. Kejayaan NLFCS telah membuktikan bahawa kaum India juga mampu untuk bersaing secara sihat dalam bidang pengoperasian.



Kisah
**KEJAYAAN KOPERASI
DI MALAYSIA**